

TEKS UCAPAN

**PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**SEMPENA
PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI UTeM
TARIKH: 12 OKTOBER 2024 (SABTU),
JAM: 12:00 TENGAHARI
BERTEMPAT DI KAMPUNG BUKIT NIBONG, AYER MOLEK,
MELAKA**

Bismillahirrahmanirahim,

Alhamdulillahi Rabbil Alamin, WassolatuWassalammu A'la Asyrafil Anbiyai Wal MursalinWa Ala' Alihi Wasohbihi Ajmain, Allahuma Solli 'Ala Sayyidina MuhammadWa'ala A-li Sayyidina Muhammad

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Melakaku MajuJaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia, Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat; dan Salam Malaysia MADANI

Salam UTeMku Sayang, Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan.

Yang Berhormat Datuk Hj.Rahmad bin Mariman

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka, Merangkap ADUN Ayer Molek

Yang Berusaha Puan Intan Suhana binti Yusuff

Pengarah Perpaduan Negeri Melaka

Tuan Kamarulzaman bin Othman

Pengerusi JPKK Kampung Bukit Nibong, Ayer Molek

En Ruslan bin Yusoff,

Penghulu Kanan DUN Ayer Molek

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Ahli-Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Bukit Nibong

Seterusnya, Hadirin Dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terutama kepada YB Datuk Rahmad bin Mariman kerana sudi hadir pada hari ini bagi merasmikan Program Kampung Angkat MADANI UTeM.
2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Kamarulzaman Bin Othman, Pengerusi JPKK, dan penduduk Kampung Bukit Nibong, Ayer Molek, Melaka yang memberi peluang kepada pihak UTeM untuk bekerjasama menjayakan program ini.
3. Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, kita dapat bersama-sama di Kampung Bukit Nibong, Ayer Molek, Melaka ini untuk meraikan pelaksanaan program yang penuh bermakna.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

LATAR BELAKANG KAMPUNG ANGKAT MADANI UTeM


4. Seperti yang sedia maklum, sejajar dengan salah satu landasan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam meningkatkan prestasi kecemerlangan pendidikan tinggi negara yang menekankan tanggungjawab untuk memberdayakan komuniti & industri melalui program pemindahan ilmu atau Knowledge Sharing Transfer Programme (KSTP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengambil langkah yang proaktif menerusi initiatif Kampung Angkat MADANI UTeM.
5. Melalui initiatif ini, UTeM amat berbesar hati dapat menyumbangkan kepakaran dan teknologi menerusi KSTP untuk memajukan komuniti setempat melalui program ini.
6. Sebagai sebuah universiti teknikal yang memfokuskan kepada aplikasi ilmu pengetahuan dan teknologi, UTeM berpegang teguh kepada prinsip bahawa ilmu yang dipelajari di universiti bukan sekadar untuk kegunaan akademik, tetapi juga untuk membawa manfaat kepada masyarakat dan negara.
7. Pemilihan Kampung Bukit Nibong sebagai Kampung Angkat MADANI UTeM ini untuk terlibat dalam KSTP telah memberi peluang yang luas kepada warga UTeM untuk memindahkan ilmu dan kepakaran kepada komuniti sejajar dengan aspirasi KPT dan konsep Malaysia MADANI.

Para hadirin sekalian;

PENGISIAN PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI UTeM

8. Program Kampung Angkat MADANI ini mencerminkan komitmen UTeM dalam melaksanakan pemindahan ilmu secara berkesan melalui pelbagai program yang melibatkan penduduk kampung. Antaranya:
 1. Program Asas Keusahawanan, bertujuan melahirkan usahawan yang lebih kompetitif dan inovatif dalam menguruskan perniagaan mereka. Kami percaya ilmu keusahawanan adalah asas kepada pembangunan ekonomi yang mampan.
 2. Program Minyak Masak Terpakai: Jangan Buang, Jana Pendapatan, yang memberikan pendekatan inovatif dalam menguruskan bahan buangan, dengan mengubahnya menjadi sumber pendapatan. Ini adalah contoh bagaimana teknologi boleh memberi impak positif kepada alam sekitar dan ekonomi.
 3. Program STEM Pemindahan Kepakaran Kejuruteraan Mahasiswa, di mana para pelajar UTeM berkongsi ilmu dan kemahiran kejuruteraan dengan komuniti, terutamanya kepada generasi muda. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan minat dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), selaras dengan aspirasi negara untuk memperkuuh bidang ini.
 4. Kaki Palsu Cetakan 3D, yang menggunakan teknologi 3D printing untuk menghasilkan kaki palsu dengan kos yang lebih rendah dan lebih cepat. Ini adalah bukti nyata bagaimana teknologi boleh meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan komuniti.
9. InsyaAllah dengan komitmen yang diberikan oleh pelbagai pihak, saya yakin akan ada lagi program yang dapat dirancang oleh UTeM untuk memanfaatkan komuniti Kampung Bukit Nibong kelak.

10. UTeM komited untuk terus memainkan peranan dalam pembangunan teknologi dan pemindahan kepakaran yang berimpak tinggi kepada masyarakat. Dengan inisiatif seperti ini, kami yakin bahawa kerjasama erat antara universiti dan komuniti akan terus berkembang, selaras dengan semangat Malaysia MADANI.
11. Program ini juga menunjukkan bahawa teknologi bukanlah sesuatu yang eksklusif kepada dunia akademik sahaja, tetapi ia adalah alat yang dapat memperkasa komuniti dan meningkatkan kualiti hidup.
12. Sebagai universiti teknikal yang berfokus kepada industri, UTeM akan terus mendekati komuniti, membawa inovasi yang bersesuaian, dan memastikan bahawa segala usaha kami memberikan manfaat yang jelas dan berterusan.



Para hadirin sekalian;

HARAPAN

13. Saya percaya program seperti ini bukan sahaja selari dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi, malah kolaborasi strategik antara UTeM dengan Kerajaan Negeri Melaka dalam merealisasikan projek ini akan membuka peluang kepada warga Kampung Bukit Nibong serta komuniti sekitarnya untuk memperoleh ilmu dan kemahiran baru.
14. Ini juga seiring dengan inisiatif pembangunan komuniti melalui Program Perkongsian dan Pemindahan Ilmu (KSTP), yang menjadi salah satu tonggak penting dalam menghubungkan akademia dengan masyarakat. Program ini harus dijadikan batu loncatan untuk mencapai kemajuan yang lebih signifikan pada masa akan datang.

15. Sekali lagi saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak termasuk Kampung Bukit Nibong, Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM yang menyelaras dan mengurus perjalanan program serta semua warga UTeM yang telah bertungkus-lumus memastikan kelancaran program ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian;

PENUTUP

16. Semoga usaha bersama ini menjadi titik tolak kepada kemajuan lebih besar bagi komuniti Kampung Bukit Nibong dan seterusnya. Akhir kata dengan adanya sokongan dari semua, saya yakin program ini dapat menjadi platform yang lebih mantap untuk memperkasa komuniti di Negeri Melaka.

Sekian, Wabillahitaufik wal Hidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

-TAMAT-